



1. **PEMAIN MUZIK**
JABATAN RADIO TELEVISYEN BRUNEI
JABATAN PERDANA MENTERI
D.3 EB.4-5 (\$900 - \$1,625 SEBULAN)
KEKOSONGAN=1

KELAYAKAN MINIMUM:

1. a) BDTVEC/BTEC Sijil Kebangsaan Peringkat Biasa (NC) atau sebanding dalam bidang Muzik atau bidang bersesuaian.

ATAU

- b) Sedang berkhidmat di Jabatan Radio Televisyen Brunei dalam jawatan bersesuaian dalam tanggagaji D.2/D.1 tidak kurang dari 3 tahun.

ATAU

- c) Sedang berkhidmat dengan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tanggagaji D.2/D.1 tidak kurang dari 4 tahun.
2. Lulus ujian kelayakan (*audition*) yang dikendalikan oleh Jabatan Radio Televisyen Brunei.
3. Pernah menghadiri kursus dan mendapat sijil dari kursus tersebut dalam bidang Muzik samada di dalam atau luar negeri adalah kelebihan.



SYARAT-SYARAT LAIN:

1. Hendaklah mempunyai minat dan kebolehan dalam bermain peralatan muzik iaitu *lead guitar / bass guitar / keyboard / piano / drum*.
2. Hendaklah mempunyai kebolehan untuk membaca nota muzik, menyalin dan membuat susunan muzik.
3. Hendaklah mengetahui isyarat-isyarat muzik.
4. Hendaklah boleh bermain peralatan muzik dengan lancar seperti yang dikehendaki.
5. Mempunyai pengalaman bermain muzik secara berkumpulan / orkestra yang diperakui.
6. Boleh bermain violin adalah kelebihan.
7. Boleh bermain alat-alat muzik *traditional* dan pencaragam kombo adalah kelebihan.
8. Berkebolehan dalam penggunaan peralatan komputer dan perisian yang berkaitan dengan muzik adalah kelebihan.
9. Boleh bertutur dan menulis dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris.



TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB PEMAIN MUZIK:

1. Bertugas selaku ahli bagi Unit Orkestra Radio Televisyen Brunei.
2. Bertanggungjawab kepada Ketua Unit Imej dan Muzik dan Ketua Pemain Muzik.
3. Bermain alat-alat muzik yang bersesuaian untuk mana-mana rancangan radio dan televisyen atau rancangan luar.
4. Pemain Muzik dari semasa ke semasa diarahkan mencipta lagu dan melodinya.
5. Mengadakan latihan-latihan muzik.
6. Membantu Ketua Pemain Muzik menyusun dan mencipta muzik/lagu untuk satu-satu rancangan.
7. Membuat kerja-kerja kajian terhadap lagu-lagu dan muzik Brunei.
8. Memberi latihan seni muzik kepada pihak-pihak yang memerlukannya.
9. Menjalankan dan melaksanakan tugas-tugas yang diarahkan oleh Pegawai atasan dari semasa ke semasa.